

# **SEMINAR DAN PAMERAN TULISAN KHAT JAWI**

## **- KHAT ARTIFAK KEHIDUPAN**

M. Heirwan Mubin

Pada 15 Ogos 1998, bertempat di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia telah berlangsung satu seminar Khat Jawi yang bertemakan "Khat Artifak Kehidupan". Seminar yang julung-julung kali diadakan di UPM ini telah dianjurkan oleh Persatuan Perwakilan Mahasiswa Wawasan (PERMAWAN) dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM yang telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Ahmad Zahid Hamidi selaku Ketua Pergerakan pemuda UMNO Malaysia.

Selesai majlis perasmian serta ucapan utama beliau telah dibawa menyaksikan pameran senia Khat Jawi hasil kerja tangan pelajar-pelajar yang mengambil kursus BBM 3402. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan oleh ahli-ahli panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Amat Juhari Moain, Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, UPM, Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari Lubis, Fakulti Pengajian Islam, UPM dan Dr. Hj. Mohd. Hussein Hj. Baharuddin, Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Moden UPM juga selaku Penasihat seminar dengan dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Ramli Isin.

Pameran seni Khat Jawi ini telah diserikan dengan pertandingan menulis Khat Jawi. Pertandingan ini telah dibahagikan kepada lima kategori iaitu terbuka/pelajar UPM yang dibahagikan kepada muslim dan non muslim, sekolah menengah dan rendah serta kategori penyertaan daripada staff UPM. Penyertaan yang begitu menggalakkan untuk setiap kategori terutamanya bagi kategori sekolah menengah dan rendah.

Menurut pengarah program, Sdr. Ansori Hj. Lat, seminar serta pameran ini bertujuan mendekatkan serta mendedahkan pelajar dengan teknik terkini dalam penulisan Jawi. Pendekatan ini sejajar dengan kenyataan Y.B Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan perasmian beliau yang tersiar dalam Mingguan Malaysia 16 Ogos, bahawa usul memartabatkan serta menobatkan tulisan jawi akan menjadi sebahagian daripada pendirian rasmi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Sesi penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi Mohammad, Pengarah Pusat Islam UPM. Beliau juga mengusulkan supaya program yang gemilang ini menjadi agenda tahunan dengan kerjasama daripada Pusat Islam sendiri.